

Alat gerakan matahari, atlas bintang antara bahan istimewa di Muzium Islam

(P)
KUALA LUMPUR 11 Sept. — Alat bagi mengetahui gerakan matahari dan atlas bintang yang digunakan untuk membuat kalendar Islam merupakan antara bahan-bahan istimewa yang dipamerkan di Muzium Islam sempena perasmian Kompleks Pusat Islam pada 16 September ini.

Muzium itu yang terletak di kawasan Kompleks Pusat Islam, Jalan Perdana di sini akan dirasmikan serentak dengan kompleks berkenaan oleh Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad kira-kira jam 11.00 pagi.

Kedua-dua alat itu yang dibeli khas dari London akan dijadikan milik kekal muzium berkenaan.

Bahan-bahan lain yang agak istimewa turut dipamerkan nanti termasuk manuskrip mengenai perkembangan Islam yang ditulis tangan dalam bahasa Bugis, Al-Quran bertulis tangan yang berumur antara 100 hingga 300 tahun dan bahan kesenian Islam.

Menurut, pengurus pameran, Datuk Shahrom Yoep, lebih 1,000 jenis bahan yang berkaitan dengan perkembangan Islam dahulu dan sekarang akan dipertunjukkan dalam pameran tersebut.

Katanya, antara bahan-bahan yang dipamerkan itu ialah peralatan kesenian Islam yang terdiri dari ceramik, alat tembaga, keris, pedang, perisai, baju kebal, dagger, senjata api, khat, ukiran kayu, tekatan dan sulaman tekstil, pending, barang emas, pakaian alim ulama, cepu, kukur kelapa, rehal, kepala pintu.

Bahan-bahan Islam dalam sistem politik dan pentadbiran yang terdiri dari cop mohor raja-raja, keris kuasa, teras negara Islam, pakaian raja ditabal, rencana ekonomi dan politik Islam, teras negara Islam, paluan hakim.

Bahan-bahan lain yang turut dipamerkan juga ialah perkembangan Islam ke Malaysia, kedatangan Islam ke Malaysia, perkembangan mazhab, ilmu falak, perkembangan dakwah, pelajaran dan pendidikan Islam, ekonomi Islam Malaysia, manuskrip dan kitab-kitab tulisan tangan, gambar-gambar dan sebagainya.

Beliau memberitahu, pameran yang diadakan di Muzium Islam akan dijadikan sebagai pameran tetap dan akan dibuka kepada masyarakat umum selepas ia dirasmikan nanti.

DM 12 SEP 1985